



# PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2015

**PENAMBAHBAIKAN KAEDAH PEMBERIAN  
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN DALAM  
PELAKSANAAN JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM**

# TUJUAN

**Menambah baik kaedah pemberian Pergerakan Gaji Tahunan dalam pelaksanaan Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.**

# LATAR BELAKANG

Penambahbaikan  
Struktur Gaji SSM

**JGMM**  
PP Bil.1/2012

\*PERGERAKAN GAJI BIASA

**Gaji Hakiki  
+ KGT**

\* mengikut gred/ pangkat  
\* terhad amaun gaji maksimum




\* Tidak termasuk pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib - Tangguh Pergerakan Gaji

# PELAKSANAAN




Berasaskan Kadar Tetap  
3% Daripada Gaji  
Maksimum



Berdasarkan LNPT,  
Perakuan Ketua Jabatan  
dan Kelulusan PPSM


**2015**



Pada Tarikh Pergerakan  
Gaji Pegawai



Tidak Mengubah Tarikh  
Pergerakan Gaji



TPG Boleh Berubah  
Bagi Urusan Yang  
Melayakkan

# PELAKSANAAN

PEGAWAI YANG  
**LAYAK**



Perenggan 5.1- 5.5  
PP 2/2015

**BELUM  
BERSARA**

Telah mencapai gaji maksimum / KUP

Belum mencapai gaji maksimum

**AKAN  
BERSARA**

Telah mencapai gaji maksimum & berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa

Belum mencapai gaji maksimum & berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa

Telah mencapai gaji maksimum & berada di tahun terakhir perkhidmatannya sebelum bersara paksa & telah menerima pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3%

# PELAKSANAAN

BIL	STATUS		SITUASI	KAEDAH
1.	Belum bersara	Pegawai telah mencapai gaji maksimum	Termasuk yang berada di gaji KUP	Diberikan pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% mengikut gred
2.	Belum bersara	Pegawai belum mencapai gaji maksimum	Amaun pergerakan gaji yang berikut kurang daripada kadar satu (1) KGT	<p>Amaun perbezaan gaji hakiki dengan gaji maksimum &lt; amaun kadar tetap 3%;</p> <p>➤ Menggunakan amaun kadar tetap 3%</p> <p>Amaun perbezaan gaji hakiki dengan gaji maksimum &gt; daripada amaun kadar tetap 3%;</p> <p>➤ Menggunakan amaun perbezaan tersebut yang terhad kepada gaji maksimum dalam JGMM 2013</p>
3.	Akan bersara	Pegawai telah mencapai gaji maksimum	tarikh persaraan sebelum TPG pada tahun berkenaan	Diberikan pergerakan gaji pada hari terakhir perkhidmatannya berdasarkan kadar tetap 3%
4.	Akan bersara	Pegawai belum mencapai gaji maksimum	tarikh persaraan sebelum TPG pada tahun berkenaan	<p>Amaun perbezaan gaji hakiki dengan gaji maksimum &lt; amaun kadar tetap 3%;</p> <p>➤ Diberikan pergerakan gaji pada hari terakhir perkhidmatannya menggunakan amaun kadar tetap 3%</p> <p>Amaun perbezaan gaji hakiki dengan gaji maksimum &gt; daripada amaun kadar tetap 3%;</p> <p>➤ Diberikan pergerakan gaji pada hari terakhir perkhidmatannya menggunakan amaun perbezaan yang terhad kepada gaji maksimum</p>
5.	Akan bersara	Pegawai telah mencapai gaji maksimum	<ul style="list-style-type: none"> <li>tarikh persaraan sebelum TPG pada tahun berkenaan</li> <li>telah menerima pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% pada tahun sebelumnya</li> </ul>	Diberikan pergerakan gaji pada hari terakhir perkhidmatannya berdasarkan kadar tetap 3%



# PELAKSANAAN

1

Perenggan 6.1  
PP2/2015

BELUM BERSARA



TELAH MENCAPAI GAJI MAKSIMUM



DIBERI PERGERAKAN  
GAJI

- KADAR TETAP 3% DARIPADA GAJI MAKSIMUM (JGMM)
- MENGIKUT GRED

# PELAKSANAAN

## PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U41 YANG BERADA DI GAJI KHAS UNTUK PENYANDANG

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Julai  
Gaji Minimum - Maksimum : RM2,260.00 - RM8,756.00  
Kadar KGT : RM225.00  
Kadar Tetap 3% : RM262.68

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U41 (RM)	Gaji Baru Gred U41 (RM)	Catatan
31.12.2014	8,781.45 (KUP)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.1.2015	8,781.45 (KUP)	-	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.7.2015	8,781.45 (KUP)	9,044.13 [diberi kadar tetap 3% bagi Gred U41 iaitu RM262.68]	1. TPG pegawai. 2. Diberi PGT pada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum mengikut keputusan PPSM.
1.7.2016	-	9,306.81 [diberi kadar tetap 3% bagi Gred U41 iaitu RM262.68]	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum mengikut keputusan PPSM.





# PELAKSANAAN

2

Perenggan 6.2  
PP2/2015

BELUM BERSARA



BELUM MENCAPAI GAJI MAKSIMUM



KURANG DARIPADA KADAR SATU (1) KGT



AMAUN PERBEZAAN GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM  
< DARIPADA AMAUN KADAR TETAP 3%;

- MENGGUNAKAN AMAUN KADAR TETAP 3% DARIPADA GAJI MAKSIMUM

ATAU

AMAUN PERBEZAAN GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM  
> DARIPADA AMAUN KADAR TETAP 3%;

- MENGGUNAKAN AMAUN PERBEZAAN TERSEBUT YANG TERHAD KEPADA GAJI MAKSIMUM DALAM JGMM 2013

# PELAKSANAAN

**PEMBANTU AWAM GRED H11 YANG BELUM MENCAPAI GAJI MAKSIMUM [AMAUN PERBEZAAN DI ANTARA GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM ADALAH KURANG DARIPADA KADAR SATU (1) KGT]**

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Oktober  
 Gaji Minimum - Maksimum : RM837.00 - RM2,619.00  
 Kadar KGT : RM80.00  
 Kadar Tetap 3% : RM78.57

Tarikh	Gaji Sekarang Gred H11 (RM)	Gaji Baru Gred H11 (RM)	Catatan
31.12.2014	2,600.36	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.1.2015	2,600.36	-	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.10.2015	2,600.36	2,678.93 [diberi kadar tetap 3% bagi Gred H11 iaitu RM78.57]	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. TPG pegawai.</li> <li>2. Diberi PGT pada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum mengikut keputusan PPSM.</li> <li>3. Pegawai diberi pergerakan gaji pada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum kerana amaun perbezaan di antara gaji hakiki pegawai dengan gaji maksimum Gred H11 adalah kurang daripada kadar satu (1) KGT iaitu sebanyak RM18.64 sahaja.</li> </ol>
1.10.2016	-	2,757.50 [diberi kadar tetap 3% bagi Gred H11 iaitu RM78.57]	<p>TPG pegawai.                      Diberi PGT pada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum mengikut keputusan PPSM.</p>



# PELAKSANAAN

**JURUTERA GRED KHAS B (VK6) YANG BELUM MENCAPAI GAJI MAKSIMUM [AMAUN PERBEZAAN DI ANTARA GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM ADALAH KURANG DARIPADA KADAR SATU (1) KGT TETAPI MELEBIHI KADAR TETAP 3%]**

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Januari  
 Gaji Minimum – Maksimum : RM7,788.05 - RM15,900.42  
 Kadar KGT : 9%  
 Kadar Tetap 3% : RM477.01

Tarikh	Gaji Sekarang Gred VK6 (RM)	Gaji Baru Gred VK6 (RM)	Catatan
31.12.2014	14,608.88	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.1.2015	14,608.88	-	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.1.2015	14,608.88	15,900.42 (maksimum) [diberi PGT terhadap kepada amaun gaji maksimum dalam JGMM]	1. TPG pegawai. 2. Diberi Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. 3. Pegawai diberikan PGT yang terhadap kepada gaji maksimum kerana ruang PGT adalah melebihi kadar pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum iaitu sebanyak RM1,291.54 (8.84%).
1.1.2016	-	16,377.43 [diberi kadar tetap 3% bagi Gred VK6 iaitu RM477.01]	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum mengikut keputusan PPSM.



# PELAKSANAAN

3

Perenggan 6.3  
PP2/2015

AKAN BERSARA



TELAH MENCAPAI GAJI MAKSIMUM



BERSARA PAKSA SEBELUM TPG



DIBERIKAN  
PERGERAKAN GAJI

- PADA HARI TERAKHIR PERKHIDMATANNYA
- KADAR TETAP 3% DARIPADA GAJI MAKSIMUM (JGMM)



# PELAKSANAAN

## PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA GRED UTAMA C (VU7) YANG BERADA DI GAJI MAKSIMUM DAN BERSARA PAKSA SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Oktober  
 Gaji Minimum - Maksimum : RM7,189.63 - RM14,587.54  
 Kadar KGT : 9%  
 Kadar Tetap 3% : RM437.63  
 Tarikh Persaraan Paksa : 16 September 2015

Tarikh	Gaji Sekarang Gred VU7 (RM)	Gaji Baru Gred VU7 (RM)	Catatan
31.12.2014	14,587.54 (maksimum)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.1.2015	14,587.54 (maksimum)	-	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
15.9.2015	14,587.54 (maksimum)	15,025.17 [diberi kadar tetap 3% bagi Gred VU7 iaitu RM437.63]	1. Gaji pegawai sehari sebelum tarikh persaraan paksa. 2. Diberi PGT dalam tahun persaraan pada hari terakhir perkhidmatannya berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum mengikut keputusan PPSM.
15.9.2015	-	15,025.17	Gaji akhir pegawai yang diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.



# PELAKSANAAN

4

Perenggan 6.4  
PP2/2015

AKAN BERSARA



BELUM MENCAPI GAJI MAKSIMUM  
[ AMAUN KURANG DARIPADA KADAR SATU (1) KGT ]



BERSARA PAKSA SEBELUM TPG



AMAUN PERBEZAAN GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM  
< DARIPADA AMAUN KADAR TETAP 3%;

- DIBERIKAN PERGERAKAN GAJI PADA HARI TERAKHIR PERKHIDMATANNYA MENGGUNAKAN AMAUN KADAR TETAP 3% DARIPADA GAJI MAKSIMUM

**ATAU**

AMAUN PERBEZAAN GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM  
> DARIPADA AMAUN KADAR TETAP 3%;

- DIBERIKAN PERGERAKAN GAJI PADA HARI TERAKHIR PERKHIDMATANNYA MENGGUNAKAN AMAUN PERBEZAAN YANG TERHAD KEPADA GAJI MAKSIMUM

# PELAKSANAAN

**PEGAWAI TADBIR GRED N44 YANG BELUM MENCAPAI GAJI MAKSIMUM [AMAUN PERBEZAAN DI ANTARA GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM ADALAH KURANG DARIPADA KADAR SATU (1) KGT] DAN BERSARA PAKSA SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 April                      Gaji Minimum - Maksimum : RM3,363.00 - RM9,406.00  
 Kadar KGT : RM250.00                      Kadar Tetap 3% : RM282.18  
 Tarikh Persaraan Paksa : 13 Mac 2016

Tarikh	Gaji Sekarang Gred N44 (RM)	Gaji Baru Gred N44 (RM)	Catatan
31.12.2014	9,080.88	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.1.2015	9,080.88	-	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.4.2015	9,330.88 [diberi 1 KGT di Gred N44 iaitu RM250]	-	TPG pegawai. Diberi Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
12.3.2016	9,330.88	9,613.06 [diberi kadar tetap 3% bagi Gred N44 iaitu RM282.18]	1. Gaji pegawai sehari sebelum tarikh persaraan paksa. 2. Diberi PGT dalam tahun persaraan pada hari terakhir perkhidmatannya berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum mengikut keputusan PPSM. 3. Pegawai diberi pergerakan gaji pada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum kerana amaun perbezaan di antara gaji hakiki pegawai dengan gaji maksimum Gred N44 adalah kurang daripada kadar satu (1) KGT iaitu sebanyak RM75.12 sahaja.
12.3.2016	-	9,613.06	Gaji akhir pegawai yang diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.



# PELAKSANAAN

**PEGAWAI PERUBATAN PAKAR GRED UTAMA A (VU5) YANG BELUM MENCAPAI GAJI MAKSIMUM  
[AMAUN PERBEZAAN DI ANTARA GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM ADALAH  
KURANG DARIPADA KADAR SATU (1) KGT TETAPI MELEBIHI KADAR TETAP 3%]  
DAN BERSARA PAKSA SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Julai                      Gaji Minimum - Maksimum : RM8,465.66 - RM17,331.46  
Kadar KGT : 9%                                      Kadar Tetap 3% : RM519.94  
Tarikh Persaraan Paksa : 30 April 2015

Tarikh	Gaji Sekarang Gred VU5 (RM)	Gaji Baru Gred VU5 (RM)	Catatan
31.12.2014	16,464.89	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.1.2015	16,464.89	-	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
29.4.2015	16,464.89	17,331.46 (maksimum) [diberi PGT terhad kepada amaun gaji maksimum dalam JGMM]	<ol style="list-style-type: none"> <li>Gaji pegawai sehari sebelum tarikh persaraan paksa.</li> <li>Diberi PGT dalam tahun persaraan pada hari terakhir perkhidmatannya berdasarkan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.</li> <li>Pegawai diberikan PGT yang terhad kepada gaji maksimum kerana ruang PGT adalah melebihi kadar pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum iaitu sebanyak RM866.57 (5.26%).</li> </ol>
29.4.2015	-	17,331.46 (maksimum)	Gaji akhir pegawai yang diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.





# PELAKSANAAN

5

Perenggan 6.5  
PP2/2015

AKAN BERSARA



TELAH MENCAPAI GAJI MAKSIMUM DAN TELAH  
MENERIMA PERGERAKAN GAJI BERASASKAN  
KADAR TETAP 3%



BERSARA PAKSA SEBELUM TPG



DIBERIKAN  
PERGERAKAN GAJI

- PADA HARI TERAKHIR PERKHIDMATANNYA
- KADAR TETAP 3% DARIPADA GAJI MAKSIMUM (JGMM)



# PELAKSANAAN

## PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N26 YANG TELAH MENIKMATI PERGERAKAN GAJI PADA KADAR TETAP 3% DAN BERSARA PAKSA SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 April  
 Kadar KGT : RM125.00  
 Tarikh Persaraan Paksa : 28 Februari 2016

Gaji Minimum - Maksimum : RM2,483.00 - RM4,751.00  
 Kadar Tetap 3% : RM142.53

Tarikh	Gaji Sekarang Gred N26 (RM)	Gaji Baru Gred N26 (RM)	Catatan
31.12.2014	4,751.00 (maksimum)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.1.2015	4,751.00 (maksimum)	-	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.4.2015	4,751.00 (maksimum)	4,893.53 [diberi kadar tetap 3% bagi Gred N26 iaitu RM142.53]	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum mengikut keputusan PPSM.
27.2.2016	-	5,036.06 [diberi kadar tetap 3% bagi Gred N26 iaitu RM142.53]	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh persaraan paksa. Diberi PGT dalam tahun persaraan pada hari terakhir perkhidmatannya berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum mengikut keputusan PPSM.
27.2.2016	-	5,036.06	Gaji akhir pegawai yang diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.

# PELAKSANAAN

Perenggan 7  
PP 2/2015

AKAN BERSARA



PERBEZAAN DI ANTARA GAJI HAKIKI DENGAN GAJI  
MAKSIMUM ADALAH > SATU (1) KGT



BERSARA PAKSA SEBELUM TPG



DIBERIKAN PERGERAKAN GAJI  
PADA HARI TERAKHIR PERKHIDMATANNYA  
MENGUNAKAN KADAR SATU (1) KGT



# PELAKSANAAN

**PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B54 YANG BELUM MENCAPAI GAJI MAKSIMUM [AMAUN PERBEZAAN DI ANTARA GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM ADALAH MELEBIHI KADAR SATU (1) KGT] DAN BERSARA PAKSA SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**


Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Oktober      Gaji Minimum - Maksimum : RM5,884.00 - RM11,902.00  
 Kadar KGT : RM320.00      Kadar Tetap 3% : RM357.06  
 Tarikh Persaraan Paksa : 31 Ogos 2016

Tarikh	Gaji Sekarang Gred B54 (RM)	Gaji Baru Gred B54 (RM)	Catatan
31.12.2014	10,603.15	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.1.2015	10,603.15	-	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian pergerakan gaji berdasarkan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum.
1.10.2015	10,923.15 [diberi 1 KGT di Gred B54 iaitu RM320]	-	TPG pegawai. Diberi Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
30.8.2016	10,923.15	11,243.15 [diberi 1 KGT di Gred B54 iaitu RM320]	1. Gaji pegawai sehari sebelum tarikh persaraan paksa. 2. Diberi PGT dalam tahun persaraan pada hari terakhir perkhidmatannya berdasarkan kadar satu (1) KGT mengikut keputusan PPSM. 3. Pegawai diberi Pergerakan Gaji Biasa kerana amaun perbezaan di antara gaji hakiki pegawai dengan gaji maksimum Gred B54 adalah melebihi kadar satu (1) KGT iaitu sebanyak RM978.85.
30.8.2016	-	11,243.15	Gaji akhir pegawai yang diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.

# PELAKSANAAN

## Perenggan 8 PP 2/2015

Pemberian Pergerakan Gaji Kepada Pegawai Yang Dibersarakan Di Bawah Seksyen 10(5)(d) Dan Seksyen 10(5)(f) Akta Pencen 1980 (Akta 227)/ Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 (Akta 239)



KPPA mempunyai budi bicara untuk mengawalkan Tarikh Pergerakan Gaji pegawai ke hari terakhir perkhidmatannya sebelum dibersarakan di bawah peruntukan berkenaan

# PERTIMBANGAN KPPA

## PGT DIAWALKAN DI BAWAH PERTIMBANGAN KPPA

### 10. Persaraan paksa.

(1) Tertakluk kepada seksyen-seksyen-kecil (2), (3) dan (4), seseorang pegawai hendaklah bersara dari perkhidmatan awam apabila ia mencapai umur lima puluh enam tahun.

(2) Jika seseorang pegawai mencapai umur lima puluh enam tahun, dan suatu pembicaraan jenayah atau tindakan tatatertib yang mungkin berkeputusan dengan ia disabitkan atau dibuangkerja belum lagi selesai, maka perkhidmatannya hendaklah disifatkan sebagai telah dilanjutkan melampaui umur itu tetapi dikira cuti tanpa gaji sehingga kesnya diputuskan.

(3) Jika pembicaraan jenayah atau tindakan tatatertib di bawah seksyen-kecil (2) itu tidak berkeputusan dengan ia disabitkan atau dibuangkerja, maka ia hendaklah bersara apabila mencapai umur lima puluh enam tahun, dan tempoh perkhidmatan selepas umur ini bukanlah perkhidmatan yang boleh dimasukira.

(4) Seksyen-kecil (1) tidaklah dipakai bagi—

- (a) Setiausaha kepada Dewan Rakyat atau Setiausaha kepada Dewan Negara; dan
- (b) pegawai-pegawai yang telah bersara selepas mula berkuatkuasanya Akta ini tetapi sebelum ia disiarkan.
- (c) (*Dipotong*).

(5) Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihakberkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh menghendaki mana-mana pegawai supaya bersara daripada perkhidmatan awam—

- (a) jika Ketua Pengarah atau Setiausaha Kerajaan Negeri, mengikut mana yang berkenaan, adalah berpuas hati atas keterangan doktor bahawa pegawai itu tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal;

(b) apabila jawatan yang dipegangnya dihapuskan;

(c) bagi maksud supaya organisasi jabatan di mana pegawai itu bekerja mudah diperbaiki dan dengan itu menghasilkan lebih lagi kecekapan atau ekonomi;

(d) atas alasan bahawa pekerjaan pegawai itu telah **ditamatkan demi kepentingan awam**;

(e) atas alasan bahawa pegawai itu telah dengan sukarelanya (selain daripada perkahwinan) memperolehi kewarganegaraan, atau menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain dari Malaysia atau atas alasan bahawa pegawai itu telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysianya; atau

(f) atas alasan bahawa pegawai itu telah, bagi maksud perlantikannya ke perkhidmatan awam—

(i) membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau secara bertulis, sama ada bersumpah atau selainnya; atau

(ii) membekalkan apa-apa dokumen,

yang adalah palsu, silap, tak tepat, tak lengkap, atau mengelirukan atau mungkin mengelirukan, dan perlantikannya ke perkhidmatan awam telah dibuat sebahagiannya atau keseluruhannya dengan bersandarkan atas pernyataan, maklumat atau dokumen itu:

Dengan syarat bahawa persaraan itu di bawah perenggan ini tidaklah boleh dilaksanakan melainkan pegawai itu telah diberi peluang yang munasabah untuk membuat representasi ke atasnya kepada Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana yang berkenaan.



# PELAKSANAAN

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN & PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

### MEMASTIKAN:

1. Diberi kepada pegawai yang layak.
2. Direkod dalam Kenyataan Perkhidmatan.

PERWAKILAN KUASA kepada PPSM untuk mengawalkan pemberian PGT bagi pegawai yang akan bersara paksa sebelum TPG.

MENGENAL PASTI pegawai yang akan bersara paksa sebelum TPG pada sesuatu tahun untuk mengawalkan pemberian PGT.

# PEMAKAIAN



**KUAT KUASA - 1 JANUARI 2015.**

**TERTAKLUK PENERIMAAN PAKAI PIHAK BERKUASA MASING-MASING.**

**DIPANJANGKAN KEPADA PERKHIDMATAN:**

- **PERKHIDMATAN NEGERI**
- **PIHAK BERKUASA BERKANUN**
- **PIHAK BERKUASA TEMPATAN**





# TERIMA KASIH

[pp022015@jpa.gov.my](mailto:pp022015@jpa.gov.my)

BAHAGIAN SARAAAN, JPA